

MUCIL GRANULES®

Acetylcysteine (100mg, 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mucil
2. Bagaimana Mucil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mucil
4. Cara menggunakan Mucil
5. Semasa menggunakan Mucil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mucil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mucil

Mucil sebagai agen mukolitik dalam patologi pernafasan yang berkaitan dengan rembesan mukus pekat yang banyak.

Bagaimana Mucil berfungsi

Acetylcysteine mempunyai tindakan mukolitik yang ketara dan ia berfungsi dengan mengurangkan kelikatan mukus.

Sebelum menggunakan Mucil

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- Pernah atau mengalami alahan terhadap acetylcysteine atau sebarang bahan yang terdapat dalam formulasi
- Kanak-kanak di bawah umur 2 tahun
- Jika anda mengalami serangan asma yang teruk.
- Jika anda mempunyai penyakit ulser duodenal atau gastrik kronik.

Untuk Mucil 200, jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai penyakit diwarisi yang menyebabkan asid amino yang dipanggil phenylalanine untuk membina di dalam badan atau anda alah kepada aspartame (pemanis buatan).

- Sebelum mula menggunakan Mucil

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- orang tua atau lemah disertai dengan kekurangan pernafasan yang teruk
- mempunyai sejarah ulser peptik
- mempunyai diabetes
- pesakit asma. Rawatan dengan acetylcysteine hendaklah dihentikan

apabila mengalami sesak nafas.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil produk ini, rujuk kepada doktor anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Arang, ia boleh menyebabkan pengurangan penyerapan acetylcysteine.

- Semasa mengandung dan menyusui bayi

Mucil digunakan semasa mengandung hanya apabila jelas diperlukan dan langka berjaga-jaga perlu diambil apabila Mucil diberikan pada ibu yang menyusui.

Cara menggunakan Mucil

Larutkan isi kandungan tersebut di dalam satu gelas air dan minum dengan segera.

- Berapa banyak harus digunakan

Sebagai agen mukolitik:

- Dewasa: 200mg 2-3 kali sehari
- Kanak-kanak 2-12 tahun: 100mg 3 kali sehari atau 200mg 2 kali sehari

Atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang masa setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk

menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan *hepatic encephalopathy* (fungsi otak yang semakin teruk akibat daripada penyakit hati) apabila anda terlebih dos.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini.

Semasa menggunakan Mucil

- Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Mucil. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Mucil, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Mucil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil Mucil selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak tersebut.
- Jangan berhenti mengambil Mucil

tanpa kebenaran doktor anda.

- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin: Mucil tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan supaya memeriksa respon individu sebelum memandu atau melakukan tugas yang rumit.

Kesan-kesan sampingan

Acetylcysteine secara umumnya adalah selamat dan diterima baik.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika kesan-kesan sampingan berikut menjadi serius atau berterusan sehingga beberapa hari:

- Jarang: kehipersensitifan, sakit kepala, bunyi nyaring dan berdengung di telinga, jantung berdegup pantas, tekanan darah rendah, muntah, cirit-birit, stomatitis, sakit perut, loya, demam.
- Sangat jarang: kejutan anafilaksis, reaksi anafilaksis, bronkospasma, sukar bernafas (dyspnea), kesakitan berulang pada bahagian atas perut (dyspepsia).

Mucil boleh menyebabkan alahan yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan Mucil dan dapatkan bantuan perubatan sebaik sahaja anda mempunyai simptom yang berikut:

- Alahan teruk: kesukaran bernafas, pening, kebengkakan kulit atau ruam.
- Reaksi kulit teruk : kulit kemerahan, melepuh pada kulit, ruam, demam, sakit tekak dan kerengsaan mata.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika terdapat kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan

di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Mucil

- Penyimpanan

Jangan simpan pada suhu lebih 30°C. Lindungi daripada kelembapan dan cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Mucil adalah serbuk oren yang dibungkus dalam paket.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Mucil 100: Setiap sacet mengandungi 100mg *Acetylcysteine*.

Mucil 200: Setiap sacet mengandungi 200mg *Acetylcysteine*.

- Bahan tidak aktif

Mucil 100: *Sucrose, saccharin sodium, citric acid, sunset yellow, orange oil, dextrose anhydrous, orange powder.*

Mucil 200: *Aspartame, sucrose, orange oil, dextrose anhydrous, orange powder, sunset yellow, citric acid.*

- Nombor MAL

Mucil 100: MAL20034830X

Mucil 200: MAL20034832

Pengilang

T.O. Pharma Co. Ltd.
101 Soi Ladprao 124 (Sawatdikan),
Ladprao Road, Phlaphla, Wangthonglang,
Bangkok 10310, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

01/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250725/1511